

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (18)

11 Februari 2018
25 Jamadilawal 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 13/2018

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2017 BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 95 bertarikh 17 Januari 2018 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 mengenai Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu.


2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 bertujuan untuk memperkemas dan menggabungkan peraturan serta syarat tuntutan Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu ke dalam satu Pekeliling Perkhidmatan supaya tuntutan bayaran balik pembaharuan lesen memandu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur serta memudahkan rujukan.
3. Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu adalah diberikan kepada pemandu kenderaan Kerajaan atau pegawai yang ditugaskan untuk memandu kenderaan-kenderaan Kerajaan yang memerlukan pemandunya mempunyai lesen memandu yang sah. Walau bagaimanapun, kelulusan Universiti berkenaan pekeling ini hanya terpakai kepada pemandu kenderaan sahaja.
4. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan dan perenggan dalam Pekeliling Perkhidmatan seperti yang berikut adalah dibatalkan:
 - (i) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1973;
 - (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 1973; dan
 - (iii) perenggan 3.5, Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pemakaian pekeliling ini. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Maklumat lanjut berhubung pekeliling boleh dirujuk ke Kluster Perkhidmatan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah